

Empat kampung terjejas tanah runtuh

Gua Musang: Kira-kira 500 penduduk Orang Asli di beberapa perkampungan di Pos Hendrop di sini terkandas apabila jalan utama ke kawasan mereka mengalami tanah runtuh, kelmarin.

Antara kampung yang terbabit adalah Kampung Hanir, Kampung Gere, Kampung Perlug dan Kampung Tuel.

Penghulu Kampung Hanir, Razak Rongging, 41, berkata, penduduk menyedari kejadian ketika menghantar anak ke sekolah di Sekolah Kebangsaan Pos Hendrop, pagi semalam.



KEJADIAN tanah runtuh yang berlaku di Pos Hendrop, Gua Musang menyebabkan penduduk Orang Asli di empat kampung terkandas.

Katanya, dia percaya kejadian berlaku kerana hujan lebat berterusan sejak

seminggu lalu.

“Kejadian tanah runtuh ini menjejaskan aktiviti ki-

ra-kira 500 penduduk di sekitar Pos Hendrop terutama yang tinggal di kawasan pedalaman.

“Sewaktu musim hujan, penjaja tidak masuk ke tempat kami, jadi kami yang keluar membeli barangan keperluan harian. Tetapi bila sudah berlaku tanah runtuh, kami tidak dapat ke mana-mana.

“Kita harap pihak berwajib dapat mengambil tindakan membaik pulih dengan segera kerosakan kerana risau jalan masih tidak dapat dilalui sekiranya berlaku kecemasan,” katanya dihubungi, di sini.